# Praktis Lanjutan 1

## BAB 1: Kerajaan Alam Melayu

**1.** Bagaimanakah kedudukan geografi yang strategik dapat membantu perkembangan sesebuah kerajaan?

**2.** Pemimpin memainkan peranan penting dalam memajukan sesebuah kerajaan.
Jelaskan pernyataan tersebut.

**3.** Jelaskan kepentingan sesebuah negara menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara lain.

**4.** Pada pendapat anda, apakah tindakan yang boleh dilakukan untuk mengekalkan kegemilangan sesebuah negara?

# Praktis Lanjutan 2

## BAB 2: Sistem Pemerintahan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

**1.** Pada pandangan anda, apakah kepentingan sistem pemerintahan beraja di negara kita?

**2.** Pada pendapat anda, apakah kesan sekiranya kegiatan pertanian dalam sesebuah kerajaan tidak diurus dengan baik?

**3.** Jelaskan kepentingan pelabuhan kepada sesebuah negara.

**4.** Bagaimanakah kita boleh mengkomersialkan hasil hutan dan laut negara pada masa kini?

# Praktis Lanjutan 3

## BAB 3: Sosiobudaya Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

**1.** Mengapakah masyarakat digalakkan menguasai pelbagai bahasa pada masa kini?

**2.** Mengapakah bidang persuratan sangat penting kepada sesebuah kerajaan?

**3.** Mengapakah masyarakat kerajaan Alam Melayu mampu membina seni bina yang hebat?

**4.** Bagaimanakah golongan pemerintah dan diperintah dapat mengukuhkan sistem masyarakat yang menyumbang kepada kestabilan kerajaan?